

Headline **Isu Perlembagaan syor kementerian agama Islam**
Date **26 Oct 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **16**
Article Size **432 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **12,235**
PRValue **36,705**



Isu Perlembagaan syor kementerian agama Islam

Penggubalan undang-undang perlu perbincangan Raja, negeri



CADANGAN penubuhan kementerian penuh bagi agama Islam yang dikemukakan seorang perwakilan pada Perhimpunan Agung UM-NO menarik perhatian saya. Islam adalah urusan negeri seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Alasan bagi cadangan mengenai penubuhan kementerian berkenaan seperti yang dilaporkan akhbar ialah untuk membolehkan tindakan berkaitan agama Islam berjalan lancar. Ia juga bertujuan mengelakkan percanggahan pendapat di kalangan orang Islam sendiri.

Usul ini melahirkan implikasi Perlembagaan yang besar ke atas kedudukan Islam dan Raja-Raja Melayu. Adakah penubuhan kementerian seumpama itu mempunyai mandat Perlembagaan?

Sebagai sebuah negara Persekutuan, pengasingan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri amat jelas dalam Perlembagaan Persekutuan. Agama Islam dan pentadbirannya terletak di bawah bidang kuasa negeri. Raja-Raja bagi negeri adalah ketua bagi agama Islam. Bagi negeri yang tidak mempunyai Raja, ketua agama masing-masing ialah Yang di-Pertuan Agong.

Dari perspektif sejarah kedudukan Islam dalam pengasingan kuasa ini berlaku kerana agama Islam (yang sentiasa dikembarkan dengan adat istiadat Melayu) secara warisan dan turun temurun terletak di bawah naungan Raja. Ia juga menjadi urusan negeri masing-masing.

Islam dan pentadbirannya tidak pernah diganggu oleh sesiapa, termasuk penjajah. Selepas segala perkara lain diserahkan kepada Persekutuan ketika berlangsungnya proses rundingan kemerdekaan dan penubuhan Persekutuan, sebagai Raja-Raja yang berdaulat bagi negeri, Raja mahu mengekalkan

Headline	Isu Perlembagaan syor kementerian agama Islam	Language	Malay
Date	26 Oct 2010	Page No	16
MediaTitle	Berita Harian	Article Size	432 cm²
Section	Nasional	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	12,235
Frequency	Daily	PRValue	36,705
Circ / Read	192,982 / 1,521,000		

Islam dan adat istiadat Melayu di bawah naungan baginda.

Sebagai menghormati permintaan Raja dan perundingan, semua pihak yang menyertai rundingan kemerdekaan bersetuju bahawa, walaupun agama Islam diiktiraf sebagai agama bagi Persekutuan, perkara berkaitan Islam kekal kemas di dalam kuasa Raja di negeri-negeri.

Selepas kemerdekaan, disebabkan kuasa autonomi negeri mengenai Islam dan pentadbirannya, pelbagai kejangalan berlaku. Perkara berkaitan Islam memerlukan tindakan setiap negeri secara satu persatu dan tidak ada mekanisme penyeragaman yang aktif ketika itu, walaupun ada institusi berkaitan seperti Majlis Raja-Raja.

Keadaan ini dilihat sebagai aspek negatif mengenai Islam dan pentadbirannya di negara ini. Ia juga dikatakan sebagai antara punca kepada pentadbiran Islam yang tidak efisien dan penuh dengan birokrasi.

Ketidakteraturan undang-undang syariah antara negeri juga menjadi fokus kritikan. Masalah ini semakin berkurangan dengan inisiatif jawatankuasa teknikal dan kesedaran mereka yang terbabit dalam pentadbiran Islam. Keadaan menjadi lebih baik dengan penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Banyak undang-undang yang sudah diseragamkan. Setakat ini sekurang-kurangnya enam jenis undang-undang diseragamkan. Undang-undang itu termasuk undang-undang prosedur jenayah, prosedur al, keterangan, jenayah syariah, keluarga Islam dan pentadbiran agama Islam.

Dengan ada undang-undang yang seragam ini kritikan terhadap pentadbiran keadilan dan undang-undang Islam dapat diredakan.

Pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang Islam ada kala masih lagi menjadi masalah. Keterbatasan bi-

dang kuasa pihak terbabit menyumbang kepada keadaan ini. Sebagai contoh, dalam penguatkuasaan undang-undang jenayah, pegawai penguat kuasa agama negeri hanya mempunyai kuasa di negeri masing-masing. Sekiranya mereka memerlukan saksi yang berada di negeri lain di dalam proses penyiasatan, ia memerlukan proses yang lebih lama dan ini boleh mengganggu proses penyiasatan.

Masalah juga mungkin berlaku dalam proses melaksanakan waran tangkap. Begitu juga dalam perkara berkaitan pelaksanaan penghakiman, sama ada di dalam kes jenayah atau kes mal.

Keadaan ini nampaknya akan berterusan kerana pengasingan kuasa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Tetapi itulah hakikat yang perlu dihadapi.

Walaupun wujud pengasingan kuasa antara Persekutuan dan negeri seperti saya sebut di atas, Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Parlimen untuk membuat undang-undang mengenai perkara di bawah bidang kuasa negeri.

Ini termasuk kuasa Parlimen untuk melaksanakan perjanjian antarabangsa yang disertai Persekutuan. Namun, sekiranya Parlimen mahu menggubal undang-undang untuk melaksanakan perjanjian yang menyentuh mengenai undang-undang Islam, ia hendaklah membuat perbincangan dengan negeri sebelum sebarang rang undang-undang berkaitan diperkenalkan di Parlimen.

Dalam keadaan lain, sekiranya negeri (sendiri) yang meminta Parlimen menggubal undang-undang tertentu mengenai perkara di bawah bidang kuasa negeri, maka Parlimen boleh menggubal undang-undang berkenaan. Ada kemungkinan negeri boleh meminta Parlimen membuat undang-undang berkaitan Islam.

Selain itu, Parlimen mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang berkaitan perkara yang terletak di bawah

bidang kuasa negeri bagi tujuan menggalakkan penyeragaman undang-undang secara umum. Dalam dua keadaan ini, ia mungkin tidak menjadi masalah kepada Parlimen untuk menggubal undang-undang berkaitan Islam.

Namun, perhatian khusus perlu diberikan terhadap kedudukan Raja-Raja sebagai Ketua Agama Islam. Raja-Raja hendaklah sentiasa dibawa berbincang dan tidak diketepikan sebelum sebarang rang undang-undang berkaitan diketengahkan.

Hakikatnya, Islam adalah urusan negeri dan Raja-Raja adalah ketua agama setiap negeri. Oleh itu, penubuhan agensi, mahupun kementerian pada peringkat Persekutuan hendaklah sentiasa mengambil kira kedudukan ini, walaupun mungkin ada kebaikan dari aspek mempercepatkan urusan pentadbiran dan keseragaman perkara berkaitan Islam.

Secara pentadbiran, penubuhan itu tidak boleh membelakangi kedudukan Raja sebagai ketua agama. Begitu juga kedudukan agensi yang berkaitan dengan agama Islam di negeri, seperti institusi mufti dan majlis agama Islam.

Justeru, permuafakatan antara pihak yang terbabit secara langsung mengenai Islam dan pentadbirannya di negeri menjadi resipi utama untuk pelaksanaan yang cekap dan berkesan.

“ *Permuafakatan antara pihak yang terbabit secara langsung mengenai Islam dan pentadbirannya di negeri menjadi resipi utama untuk pelaksanaan yang cekap dan berkesan*

Penulis ialah Penolong Profesor di Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, UIAM